



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 3 2019



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- PIACUF 2019 TAMPIL VOKAL DUNIA ISLAM 3
- HARI KEBANGSAAN DIRAI MERIAH, PENUH SEMANGAT PATRIOTIK 4
- 150,000 KUNJUNGI FESTIVAL ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019 5
- KARNIVAL PUTRAJAYA 2019 6
- PUTRAJAYA TUAN RUMAH KEJOHANAN SKI AIR DUNIA 7
- AKTIVITI KRISPUTRA 8

PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:

ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.ppj.gov.my

Facebook/putrajaya

Twitter@putrajayacorp

Youtube/perbadananputrajaya

Instagram/perbadananputrajaya

PIIACUF 2019 Tampil Vokal Dunia Islam



Selepas kejayaan menarik lebih 300,000 pengunjung pada program sebelum ini, Festival Kesenian dan Kebudayaan Islam Antarabangsa (PIIACUF) 2019 kembali menemui orang ramai di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 bermula dari 25 hingga 28 Julai 2019.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim, PIIACUF dianjurkan bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai pusat kegemilangan kesenian dan kebudayaan Islam alaf baharu.

Penganjuran kali ini memasuki edisi kelima dan membawa tema berlainan pada setiap kali penganjurannya. PIIACUF pada kali ini bertemakan **Keindahan Seni Muzik dan Vokal Dunia Islam** yang memfokuskan terhadap kepelbagaian muzik dan vokal dunia Islam sebagai medium bagi menghubungkan manusia sejagat.

Pengunjung dapat melihat pelbagai peralatan muzik dan mengalami pelbagai unsur bunyi, muzik dan teater yang digunakan sebagai medium menyampaikan emosi.

PIIACUF kali ini disertai oleh negara Kuwait, Turki, Brunei, Maghribi, Iran, Bangladesh dan Indonesia. Ia menampilkan persembahan

kesenian dan kebudayaan, demonstrasi kaligrafi dan kraf tangan.

Disamping itu juga, program pada kali ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti trak makanan, demonstrasi masakan, Larian Ultron PIIACUF Half Marathon, Teater Jom Solat serta forum pelancongan.

PIIACUF membawakan kelainan dengan mengetengahkan dunia sains dan teknologi melalui pameran teknologi augmentasi realiti (AR) yang julung kali diadakan bagi memberi pengalaman unik kepada pengunjung.

Orang ramai berpeluang merasai suasana dimensi yang berbeza kerana festival ini mempamerkan interaktif 99 nama Allah. Ia turut memaparkan perjalanan ulama atau tokoh Muslim terkenal seperti Abu Ali Al-Hussain Ibn Abdallah Ibn Sina (Ibnu Sina) dan Abu Abdullah Mohammad Ibn Musa al-Khawarizmi (Al-Khawarizmi).

Pengunjung juga dihiburkan dengan lagu dan puisi kelslaman melalui artis terkenal tempatan terdiri daripada Datuk Ramli Sarip, kumpulan InTeam, UNIC dan ramai lagi.

Majlis Perasmian PIIACUF 2019 telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail.



Hari Kebangsaan Dirai Meriah, Penuh Semangat Patriotik

Rakyat pelbagai kaum dan usia telah membanjiri Dataran Putrajaya Presint 3, Putrajaya pada 31 Ogos 2019 bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2019 yang diraikan dengan penuh semangat patriotik.

Sebahagian pengunjung termasuk yang datang bersama keluarga seawal jam 6 pagi lagi telah menggayakan busana bercorak Jalur Gemilang serta mengibarkan bendera Malaysia dengan bersemangat walaupun acara utama belum bermula.

Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini yang bertemakan **Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih**, buat kali kedua berturut-turut diadakan di pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan iaitu selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran kerajaan.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar, turut berangkat mencemar duli bagi menghadiri sambutan. Turut hadir Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir bin Mohamad yang memandu sendiri sebuah Proton Saga berwarna merah hati, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan suami, Datuk Seri Anwar Ibrahim, barisan menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan serta pemimpin parti politik.

Sejurus keberangkatan tiba baginda, Al-Sultan Abdullah memeriksa Kawalan Kehormatan Utama ditarisi 107 pegawai dan anggota Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja, diketuai Mejar Shaiful Amir Omar.

Sambutan diteruskan dengan nyanyian Negaraku dan disusuli acara menaikkan Jalur Gemilang diiringi 14 das tembakan meriam yang melambangkan 14 negeri oleh 41 Bateri Istiadat Rejimen Artilleri Diraja diketuai Mejar Asri Che Wil.

Kemudian diikuti bacaan ikrar Rukun Negara dan laungan **Merdeka** sebanyak tujuh kali oleh Ketua Penolong Kanan Persuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Zuhairie Abu Bakar serta 62 pembaca ikrar.

Acara dimeriahkan lagi dengan persembahan khas **Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih** membabitkan 1,627 peserta yang terdiri daripada kumpulan kesenian mewakili pelbagai agensi dan persatuan.

Acara perbarisan dan perarakan di Persiaran Perdana sejauh 3.2 kilometer kemudiannya bermula pada jam 8.40 pagi, didahului perarakan masuk Kontinen Kenegaraan iaitu pembawa Jalur Gemilang, bendera negeri dan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang melintasi pentas utama.

Perarakan membabitkan lebih dari 17,353 peserta tersebut dimulakan dengan kontinen perkhidmatan awam, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.



150,000 kunjungi Festival Royal Floria Putrajaya 2019



FESTIVAL Royal Floria Putrajaya 2019 bermula dari 31 Ogos hingga 8 September 2019 di Taman Botani Putrajaya, Presint 1 mencatatkan kehadiran lebih 150,000 pengunjung sepanjang penganjurannya.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad, jumlah berkenaan meningkat berbanding kehadiran 110,000 pengunjung pada tahun 2018.

Peningkatan tersebut menunjukkan sokongan padu rakyat terhadap Festival Royal Floria Putrajaya iaitu satu-satunya pameran bunga dan taman bertaraf antarabangsa di Malaysia.

Diharap badan korporat dapat memberikan sokongan dalam bentuk tajaan bagi membantu kos penganjuran acara ini untuk festival pada tahun depan. Sekiranya semua pihak memberi kerjasama dan sokongan, pastinya Festival Royal Floria Putrajaya 2020 mampu menjadi platform kepada Putrajaya dan Malaysia untuk mewujudkan sinergi kerjasama pintar antarabangsa dalam arena pameran bunga-bungaan di Rantau Asia Pasifik dan memartabatkan Royal Floria Putrajaya di dalam peta dunia.

Dengan ini sudah tentu dapat memberi kelebihan kepada Taman Botani Putrajaya membina jaringan serta kolaborasi dengan pelbagai pihak dalam bidang botani, landskap, hortikultur, penyelidikan, pembangunan inovasi, produk pertanian dan pengkomersialan yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada sektor ekonomi, pelancongan, penyelidikan dan pembangunan Malaysia.

Pemilihan tempat penganjuran festival pada tahun ini di Taman Botani Putrajaya amat berjaya sebagai kesinambungan pelaksanaan untuk tahun seterusnya kerana ciri unik sebagai **Mother of All Gardens (ibu segala taman)** yang mewakili 12 taman metropolitan di Putrajaya.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat merasmikan Festival Royal Floria Putrajaya 2019 pada 30 Ogos 2019. Keberangkatan tiba Al-Sultan Abdullah bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada jam 9.20 pagi telah disambut oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim.

Buat julung kalinya, penganjuran pada tahun ini diadakan di Taman Botani Putrajaya iaitu selepas 10 tahun di Anjung Floria, Presint 4 dengan tema bunga orkid dan bonsai.





Sebuah Karnival yang berkonsepkan **mass infotainment** melalui aktiviti kecergasan, persembahan, pameran, kaunter perkhidmatan, jualan am, pelbagai pertandingan dan aktiviti kanak-kanak, kebudayaan dan demonstrasi secara santai.

Karnival Putrajaya pada asalnya dikenali sebagai Karnival Komuniti dan dilaksanakan secara bersama dengan Pesta Air Putrajaya. Memandangkan kedua-dua program mendapat sambutan yang baik dan boleh berdiri dengan sendirinya maka pada tahun ini Karnival Komuniti dilaksanakan secara berasingan dengan Pesta Air dan dikenali sebagai Karnival Putrajaya 2019.

Objektif Karnival Putrajaya ini adalah bagi memupuk semangat kebersamaan dan kesukarelawan di kalangan komuniti melalui pengajuran program dan pengisian aktiviti karnival serta menambahbaik lagi interaksi sosial, persefahaman, kerjasama dan perpaduan di kalangan penduduk melalui penyertaan yang aktif.

Karnival Putrajaya telah diadakan secara bersama dengan **Putrajaya Open Day (POD)** dan dikenali sebagai **HARI TERBUKA DAN KARNIVAL PUTRAJAYA 2019**.

Buat julung kalinya, 23 kementerian dan 101 agensi kerajaan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, telah membuka pintu kepada orang ramai pada hari Sabtu bagi menyampaikan perkhidmatan secara bersemuka dan terbuka kepada rakyat.

Bertemakan Sehari Bersama Rakyat, Menyediakan 1001 Perkhidmatan, program yang diadakan bersempena Hari Terbuka Putrajaya 2019 bermula dari jam 9 pagi hingga 6 petang itu menawarkan lebih 200 perkhidmatan di lobi kementerian dan agensi terlibat.

Karnival Putrajaya 2019

Semua kementerian dan agensi kerajaan terlibat serta rakyat perlulah mengambil peluang tersebut dengan mendayaupayakan usaha terbaik bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada rakyat yang cemerlang dan berkesan. Dengan komitmen dan kesungguhan semua dalam menggalas amanah, perkhidmatan awam dan rakyat akan saling melengkapi dan saling mengimbangi ke arah keperluan rakyat dan kesejahteraan negara.

Dianjurkan bersama oleh Pejabat Ketua Setiausaha Negara dan Perbadanan Putrajaya, antara perkhidmatan yang disediakan pada Hari Terbuka Putrajaya adalah diskaun saman trafik, pemasangan Teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) percuma, pemeriksaan Unit Bergerak (Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom), karnival kerjaya, semakan wang tidak dituntut, urusan pencen dan gimnasium percuma.

Selain itu, antara segmen menarik yang lain adalah Pameran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Putrajaya Animal Lovers Festival.

Karnival Putrajaya 2019 turut mendapat kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) diadakan bertujuan mengukuhkan interaksi dan integrasi sosial serta hubungan baik antara Perbadanan Putrajaya dengan komuniti Putrajaya. MPPWP memainkan peranan penting selari dengan objektif penubuhannya sebagai satu daripada mekanisme penghubung antara kerajaan dan komuniti setempat. Kerjasama terbaik MPPWP ini dapat dilihat daripada usaha bersungguh-sungguh menjayakan pelbagai aktiviti seperti street soccer, street netball, kayuhan sejahtera dan Treasure Hunt Berbasikal.

Secara keseluruhannya, 37 acara ditawarkan sepanjang tiga hari pengajuran Karnival Putrajaya tersebut, antaranya Tazkirah Muzikal, persembahan artis jemputan, Bazar Usahawan Putrajaya, pencarian bakat muda dalam bidang kulinari, seni tari dan nyanyian serta pertandingan tarian antara sekolah Putrajaya.



Putrajaya Tuan Rumah Kejohanan Ski Air Dunia

Sukan luncur air bertaraf dunia kembali ke Putrajaya untuk tahun 2019 apabila 167 atlet peluncur air dari 33 negara telah bertemu di Pusat Sukan Air Presint 6, bagi beradu kemahiran sempena Kejohanan Luncur Air Dunia IWWF 2019.

Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata, kejohanan luncur air bagi edisi ketiga, Putrajaya menjadi tuan rumah diadakan di Pusat Sukan Air, Presint 6 mulai 13 Ogos hingga 19 Ogos 2019.

Pada kejohanan tersebut, Malaysia telah diwakili oleh peserta adik-beradik iaitu Aliyah Yoong Hanifah bersama dua adik lelakinya Aiden Yoong dan Adam Yoong, selain Nadiah Nasir.

Ini merupakan platform untuk menonjolkan Putrajaya yang terkenal dengan tasik buatan manusia seluas 650 hektar di persada dunia.

Pengunjung boleh menyaksikan sepanjang kejohanan berkenaan berlangsung secara percuma.

Putrajaya pernah menganjurkan kejohanan tersebut pada tahun 2008 dan 2009.



20
KRISputra
SAMBUTAN 20 TAHUN

Aktiviti KRISputra

